

DATE: 18 / 12 / 2007

Tak mahu rakyat kecewa

BH- 18/12/2007

PM hargai sokongan padu, janji kerja kuat untuk semua kaum

Oleh Azman Zakaria

PETALING JAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau tidak akan mengecewakan rakyat yang memberi sokongan besar kepada kepemimpinannya, dengan bekerja kuat untuk rakyat tanpa mengira kaum dan agama.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri berkata, rakyat mesti sentiasa menghargai keamanan dengan tidak melakukan tindakan yang boleh menggugat kestabilan dan keharmonian kaum yang sudah sekian lama wujud di negara ini.

Sambil melahirkan rasa gembira dengan sokongan yang diberikan kepada kepemimpinannya, beliau berkata, dengan sokongan itu beliau berasakan tanggungjawabnya menjadi semakin besar kepada rakyat.

“Bila orang sokong, saya rasa tanggungjawab lebih besar... saya kena kerja sungguh-sungguh sebab harapan rakyat besar.

“Saya tidak mahu mengecewakan anda... saya akan kerja kuat untuk anda dan masa depan negara,” katanya ketika berucap pada majlis makan malam Perdana Menteri Bersama Rakyat di padang awam, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Puchong Indah dekat sini, malam tadi yang dihadiri kira-kira 5,000 orang.

Turut hadir, isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

Perdana Menteri berkata, jika rakyat bersama-sama dan bersatu, ia akan mewujudkan kekuatan yang membolehkan setiap pekerjaan dilaksanakan, manakala keharmonian pu-

la akan sukar digugat.

Beliau berkata, isterinya ada bertanya kepadanya mengapa beliau kelihatan agak sedih baru-baru ini, yang dijelaskannya ia ekoran ada pihak yang cuba membuat kacau ganggu terhadap keamanan negara.

“Saya mahu jangan kacau ketenteraman dalam negara. Jika jadi apa yang tidak baik, rakyat akan susah... peniaga akan susah, mereka akan kerugian,” katanya.

Sehubungan itu katanya, polis terpaksa mengambil tindakan terhadap mereka yang melanggar undang-undang.

Dalam mengambil tindakan itu, katanya, beliau memaklumkan kepada Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hasan supaya berhati-hati dan tidak kasar tetapi tegas dalam mengambil tindakan, seperti mana yang dilakukan polis.

Abdullah juga berkata, sebagai Pengerusi Barisan Nasional (BN), beliau sentiasa memastikan amalan musyawarah dalam mesyuarat Kabinet dengan memberikan peluang kepada setiap menteri bercakap.

“Melayu atau bukan Melayu, Islam atau bukan Islam semua boleh cakap dan beri pandangan. Ini penting kepada saya sebelum buat keputusan, semua suara mesti didengar,” katanya.

Katanya, tiada keputusan dibuat secara undi mengangkat tangan yang jika dilakukan maka Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu tidak akan boleh menang.

“Tetapi kita berpakat, semua keputusan berasas kepada konsensus. Jika seorang tidak setuju, kita bincang semula hingga semua setuju. Sebab itu kita boleh maju dan berjaya jaga keharmonian negara,” katanya.